

24 OCT 2001

Mahathir-ISA

ISA SENJATA BERKESAN DALAM MEMERANGI KEGANASAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kini diakui dengan meluas yang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ialah satu senjata berkesan bagi memerangi penganas dalam negara.

Dr Mahathir dalam satu temubual eksklusif surat berita Ad Rem, terbitan rasmi Jawatankuasa Peguam Selangor berkata, jika bukan kerana ISA ia mungkin sukar untuk membawa kumpulan radikal Islam seperti al-Ma'unah dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) ke muka pengadilan.

"Untuk membawa penganas-penganas ini ke muka pengadilan melalui prosedur mahkamah biasa akan memerlukan keterangan-keterangan yang pasti sukar diperolehi," kata beliau dalam surat berita edisi Oktober itu.

Dr Mahathir berkata, pernah sekali beliau memikirkan untuk memansuhkan ISA semasa negara aman, tetapi dinasihatkan supaya tidak berbuat demikian.

Walaupun kuasa-kuasa dalam akta itu adalah luas dan kejam, kerajaan sentiasa berhati-hati supaya ia tidak disalahgunakan.

"Ya, ISA memberikan kuasa yang luas. Jika saya menyalahgunakan kuasa-kuasa ini, bermakna ramai orang yang akan ditahan," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebilangan besar orang yang ditahan di bawah ISA adalah penjenayah yang dikaitkan dengan dadah ataupun jenayah serius yang lain.

"Terdapat juga orang yang mempunyai rancangan untuk menggulingkan kerajaan menggunakan keganasan kerana mereka percaya sistem demokrasi tidak akan membenarkan mereka merampas kuasa," kata beliau.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir menolak kemungkinan mengharamkan PAS jika ia didapati mempunyai hubungan dengan mana-mana pertubuhan penganas.

"Kita tidak boleh mengharamkan sebuah parti seperti PAS kerana ia akan cetuskan reaksi ganas daripada penyokong-penyokongnya. Tetapi kita perlu memujuk mereka supaya jangan membuat permintaan yang tidak munasabah seperti penubuhan sebuah negara Islam sedangkan kita sudahpun menjadi sebuah negara Islam," katanya.

Dr Mahathir juga menunjukkan yang operasi ketenteraan yang dimulakan oleh Amerika Syarikat sebagai respons terhadap serangan pada 11 Sept di Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon in Washington akan diambil kesempatan oleh PAS.

"Mereka akan menuduh Barat sebagai anti-Islam dalam usaha meraih sokongan bagi diri mereka. Mereka telah memecahbelahkan orang Melayu dan umat Islam di sini dan mereka akan berbuat apa sahaja untuk mendapatkan kelebihan," katanya.

Beliau berkata, PAS akan mendakwa berlaku penindasan terhadap umat Islam di seluruh dunia.

"Mereka juga akan berkata lihatlah kerajaan - mereka tidak berbuat apa-apa, mereka tidak cukup Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menyokong sebarang usaha memburu penganas tetapi bukan peperangan.

Dr Mahathir menekankan usaha membanteras keganasan memerlukan dua perkara - perlu menawan hati orang ramai serentak dengan penggunaan senjata.

"Jadi jika anda tidak menawan hati umat Islam di seluruh dunia, perang ini tidak akan berjaya, media mereka di Amerika tidak memberi gambaran sebenar akan apa yang berlaku," kata beliau.

-- BERNAMA

AFY DC PR